

CNS0026

U GB 07-11 00189 BH059

hah

PM: AMERTKA TENTANG PERDAGANGAN BEBAS
Mahathir - EAEC

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan Amerika Syarikat meminta Jepun supaya tidak menyertai Majlis Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) menunjukkan negara itu (Amerika) tidak suka kepada perdagangan bebas.

Perdana Menteri berkata beliau membuat rumusan bahawa tindakan Amerika Syarikat itu mencerminkan bahawa sebagai kuasa besar, ia tidak harus mengambil berat pandangan pihak lain.

Sambil melahirkan rasa sedih dan kecewa terhadap sikap Amerika Syarikat itu, Perdana Menteri berkata beliau tidak faham tujuan negara itu begitu sekali tidak bersetuju kepada rancangan EAEC walaupun beliau telah memberikan penjelasan panjang lebar kepada Setiausaha Negara Amerika Syarikat James Baker.

+Rancangan EAEC ini adalah +harmless+ yang tidak membahayakan sesiapa tetapi hanya bertujuan melindungi perdagangan bebas, yang mana Amerika Syarikat sendiri sekian lama telah menyokong perdagangan bebas, +katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini malam ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar Jepun yang menyebut bahawa Encik Baker telah menghantar memorandum kepada Kementerian Luar Jepun supaya tidak menyertai EAEC. -- Lagi

♥07/11/23-20MST

CNS0028

U GB 07-11 00120 BH060

hah

Mahathir - EAEC 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau berasa kecewa sekali kerana Amerika Syarikat nampaknya tidak memberikan penghargaan terhadap pendiri Malaysia yang menyokong usul negara itu di Majlis Keselamatan semasa Perang Teluk.

+Kita memang pun percaya penghalang (bagi rancangan EAEC) daripada awal lagi ialah Amerika Syarikat, +katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata rancangan EAEC akan tetap diteruskan walaupun tanpa penyertaan Jepun.

Katanya, EAEC masih boleh bsr jaya tanpa Jepun walaupun mungkin +tidak sepenuhnya+ dengan adanya penyertaan negara itu.

Ketika ditanya sama ada Malaysia, yang menjadi pelopor EAEC, akan terus meminta sokongan daripada Jepun, beliau berkata: +EAEC boleh diadakan tanpa Jepun kalau negara-negara lain setuju. -- Lagi

♥07/11/23-25MST

CNS0030

U GB 07-11 00141 BH061

bah

Mahathir - EAEC 3 Kuala Lumpur

Katanya, Malaysia tidak marah kepada Jepun kerana negara itu telah pun menyatakan ia menghargai perhubungannya dengan Amerika Syarikat memandangkan perdagangan yang besar serta ia bergantung kepadanya dalam soal pertahanan.

Sebaliknya, Malaysia berterima kasih kepada Jepun kerana bersedia membantu dalam perkara-perkara yang tidak dibantah oleh Amerika Syarikat, katanya.

Ketika ditanya mengenai tindakan Malaysia yang akan diambil terhadap Amerika Syarikat ekoran perkembangan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia tidak berupaya bertindak terhadap kuasa besar di dunia.

Beliau juga berkata sikap Amerika Syarikat menentang EAEC itu merupakan petanda kemungkinan kebebasan kemerdekaan negara-negara kecil akan terhakis di masa depan kerana tidak dibenarkan menentukan nasib mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata mesyuarat Majlis Tertinggi malam ini merupakan mesyuarat biasa bagi membuat persiapan menjelang Perhimpunan Agung. -- Lagi

♥07/11/23-43MST

CNS0032

U GB 07-11 00146 BH063

bah

Mahathir - EAEC (akhir) 4 Kuala Lumpur.

Katanya, tiada perkara istimewa bagi perhimpunan tahun ini melainkan mesyuarat agung khas untuk meluluskan beberapa pindaan kepada Perlembagaan parti.

Menurut beliau, perbahasan akan bertumpu kepada dua tajuk saja iaitu usul mengenai ucapan Presiden, yang akan dikemukakan oleh Pergerakan Wanita dan usul ekonomi oleh Pergerakan Pemuda.

Usul-usul biasa yang khusus menyentuh sesuatu bidang akan dirangkumi dalam perbahasan mengenai usul ucapan Presiden yang meliputi pelbagai bidang seperti pelajaran dan agama.

Ini juga bagi membolehkan masa diberikan kepada mesyuarat agung khas itu, katanya.

Seramai 1,700 orang termasuk pemerhati dari UMNO Sabah dan jemputan daripada Golkar, Indonesia dan Parti Kebangsaan Melayu Singapura akan menghadiri perhimpunan itu.

Kongres Kebangsaan Afrika tidak dapat menghantar wakil dan begitu juga dengan Parti Liberal Demokratik Jepun yang menghadapi penyusunan semula Kabinet, kata beliau. -- Bernama

♥07/11/23-50MST